

Projek Jok Belaja perkasa literasi anak Temiar

Persatuan Mahasiswa Orang Asli Malaysia sumbangkan bakti kepada komuniti asal

Oleh Haliza Mohamad
bhpendidikan@bh.com.my

Sungai Siput: Sekumpulan mahasiswa Orang Asli kembali ke komuniti asal mereka di Pos Kuala Mu, di sini bagi membantu murid •Orang Asli Temiar meningkatkan kemahiran literasi bahasa Melayu menerusi 'Projek Jok Belaja: Langkah ames namun impian hak rakyat'.

Program selama empat hari itu membabitkan murid Tahun Empat hingga Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Pos Kuala Mu dengan tumpuan kepada kemahiran membaca dan mengenal huruf menerusi aktiviti pembelajaran dalam suasana santai dan interaktif.

Usaha itu dijayakan Persatuan Mahasiswa Orang Asli Malaysia (PMOA) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Datuk Razali Ismail (IPGKDRI).



Sebahagian ahli Persatuan Mahasiswa Orang Asli Malaysia yang menjayakan program Jok Belaja di Kuala Mu, baru-baru ini.

(Foto ihsan YSS)

Tingkatan keyakinan

Pengarah Projek, Nurul Izzati Noorli, berkata program berkenaan memberi pengalaman bermakna kepada pasukan pelaksana apabila dapat melihat peningkatan keyakinan dalam kalangan peserta.

“Setiap perkataan yang berjaya mereka baca ibarat sebuah kemenangan besar dan mengingatkan kami bahawa usaha kecil yang dilakukan dengan ikhlas mampu memberi impak besar dalam kehidupan seseorang,” katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan turut memberi peluang kepada mahasiswa Orang Asli

berperanan sebagai fasilitator dan menyumbang semula kepada komuniti asal menerusi pendidikan.

Katanya, pendekatan itu bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran literasi, malah memberi ruang kepada murid belajar bersama fasilitator yang berkongsi latar belakang komuniti mereka.

“Program ini diharap dapat membantu murid membina keyakinan untuk terus belajar serta berani mengimpikan masa depan yang lebih baik,” katanya.

Projek berkenaan turut mendapat sokongan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), dengan

IPGKDRI menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan, manakala YSS membantu dari aspek kesukarelawanan belia.

Selain itu, beberapa rakan strategik turut menyumbang dari segi kewangan dan bahan bacaan bagi menyokong usaha memperluas akses pendidikan kepada komuniti Orang Asli.

Katanya, walaupun hanya berlangsung selama empat hari, Projek Jok Belaja diharap dapat meninggalkan pengalaman pembelajaran yang mendorong murid untuk terus meningkatkan kemahiran membaca dan keyakinan diri.